

Tiga program baru bantu syarikat laksana usaha pendigitalan



TAWAR PROGRAM DIGITAL:

Kerjasama dijalin antara SBF dan NUS-ISS agar syarikat dan pekerja dapat meraih manfaat dalam usaha pendigitalan mereka. Encik Zaqy (*tengah*) telah menyaksikan pemeteraian MOU semalam, yang ditandatangani oleh (*depan, dari kiri*) Encik Ho Meng Kit, CEO SBF dan Encik Khoong Chong Meng, CEO NUS-ISS. – Foto BH oleh KEVIN LIM

SYARIKAT yang mahu menggiatkan usaha pendigitalan mereka kini boleh meraih manfaat daripada tiga program baru yang menyasarkan pekerja di semua peringkat.

Program itu akan ditawarkan oleh Persekutuan Perniagaan Singapura (SBF) dan Institut Sistem Sains Universiti Nasional Singapura (NUS-ISS), menyusuli satu pemeteraian perjanjian persefahaman memorandum semalam.

Program ini diumumkan Menteri Negara (Pembangunan Negara merangkap Tenaga Manusia), Encik Zaqy Mohamad, di majlis pembukaan Sidang Ekonomi Masa Depan dan Pameran SBF, di Pusat Konvensyen Suntec Singapore semalam.

Menurut kenyataan bersama SBF dan NUS-ISS, para pemilik dan ketua perniagaan boleh mendaftar untuk Peta Laluan Kecekapan Digital yang merangkumi tiga kursus selama lima hari.

Bagi kakitangan di peringkat eksekutif, terdapat kursus lebih lama selama 13 hari.

Kursus-kursus itu bertujuan melengkapkan mereka dengan pemikiran dan kemahiran yang diperlukan untuk melakarkan strategi pendigitalan yang berkesan untuk syarikat mereka.

Para eksekutif yang mahu melanjutkan lagi pembelajaran di bilik darjah boleh menyertai program Diploma Profesional dalam Pendigitalan yang ditawarkan bersama oleh SBF dan NUS-ISS.

Program ini termasuk satu projek empat bulan dan peserta akan dibimbing oleh pakar dari NUS-ISS untuk melaksanakan atau menerapkan apa yang dipelajari dalam syarikat masing-masing.

Program terakhir yang diberi nama Kemahiran bagi Transformasi, disasarkan kepada syarikat yang sudah tahu apa yang mahu dicapai dalam transformasi digital mereka.

Bergantung kepada keperluan syarikat, NUS-ISS kemudian akan bekerjasama dengan mereka untuk memperkenalkan program latihan khusus untuk pekerja.

Menjelaskan lebih lanjut, Encik Zaqy berkata:

“Transformasi adalah perjalanan yang berterusan.

“Bagi syarikat yang baru bermula, anda harus terus berusaha gigih dan terus mencari peluang baru.

“Bagi mereka yang belum bermula, saya galakkan anda untuk melakukannya sekarang.”

Program itu dijangka bermula awal tahun depan dan dibuka kepada anggota SBF.

Penolong Ketua Pegawai Eksekutif SBF, Cik Joanne Guo, berkata subsidi SkillsFuture akan mengurangkan kos sehingga 90 peratus bagi syarikat kecil dan sederhana (SME) serta sehingga 70 peratus bagi bukan SME.

Satu taklimat program akan diadakan pada 20 November, dari 9.30 pagi hingga 11.30 pagi, di Pusat SBF.

Encik Zaqy juga mengumumkan bahawa SBF akan bekerjasama dengan Tenaga Kerja Singapura (WSG) untuk membangunkan portal sumber dalam talian bagi membimbing dan menggalak penggunaan huraian teknologi oleh syarikat pengilangan.

Dalam pada itu, beliau memberi perkembangan terkini tentang Indeks Percepatan Digital (DAI) di bawah Penguasa Pembangunan Media Infokom (IMDA).

Beliau mendedahkan bahawa lebih 2,000 syarikat sudah memanfaatkan indeks itu sejak ia dilancarkan awal tahun ini.

DAI adalah alat yang boleh menganggarkan sejauh mana pencapaian syarikat dalam transformasi digital mereka dan menyediakan maklumat tentang kekuatan dan kelemahan digital mereka.

Pendaftaran seterusnya akan dibuka pada Januari tahun depan.